

# Sistem beri kan hasil terbaik pilihan kerajaan

Daripada M Thillinadan

BH 10 JUN 2000

TOKYO, Jumaat – Malaysia memperkenalkan kawalan modal jangka pendek dan menetapkan kadar pertukaran ringgit, walaupun bertentangan dengan sistem kewangan ortodoks kerana hasilnya yang berkesan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata Malaysia hanya berminat terhadap hasil dan bukannya sistem kerana bagaimana baik sekalipun sesuatu sistem itu, jika mendatangkan hasil yang buruk ia akan dibuang begitu saja.

“Tidak kira berapa baik sesuatu sistem itu, tetapi jika ia didapati memberi hasil yang buruk, kita tidak akan mengikutnya.

“Panggilah kami apa saja, termasuk penentang sistem yang diterima umum atau jahil. Bagi kami jika hasilnya tidak baik, maka sistem itu juga tidak baik dan kita akan membuangnya.

“Kerana itulah Malaysia memulakan kawalan modal dan menetapkan kadar pertukaran ringgit. Jelas langkah itu berjaya,” katanya dalam ucapannya Masa Depan Asia di Persidangan Antarabangsa Nikkei Kenam, di sini hari ini.

Persidangan dua hari itu turut disertai Presider Indonesia, Abdurrahman Wahid; Perdana Menteri Laos, Sisavath Keobounphanh; Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan Thailand, Supachai Panitchpakdi dan Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew.

Dr Mahathir berkata, Ma-

laysia memilih kadar pertukaran tetap seperti yang di-amalkan dalam rejim Bretton Woods daripada kadar pertukaran terapung yang ditentukan pasaran kerana permintaan dan penawaran boleh dimanipulasi.

“Kadar pertukaran tetap telah memakmurkan banyak negara termasuk Jepun dan Malaysia. Bagaimanapun, apabila ia diganti dengan sistem pertukaran terapung, kita menderita berikutan serangan penyangak mata wang yang memanipulasikan sistem itu untuk kepentingan mereka.

“Sistem pertukaran terapung diperkenalkan tanpa kajian yang mendalam atau melalui perjanjian antarabangsa berbanding pertukaran tetap melalui Bretton Woods.

“Apa saja alasan untuk memperkenalkan kadar pertukaran terapung, tetapi yang jelas ia tidak sesuai untuk ekonomi dunia,” katanya.

Perdana Menteri berkata, peningkatan nilai yen juga mengakibatkan negara miskin menderita kerana tidak berupaya membeli barangan Jepun dengan murah.

Katanya, pada satu ketika Malaysia meminjam banyak yen kerana nilainya hanya satu sen Malaysia, tetapi selepas Perjanjian Plaza, nilai Yen naik 2.5 sen Malaysia.

“Secara tiba-tiba dan bukan kerana kesilapan kita, Malaysia terpaksa membayar 250 peratus lebih tinggi. Ini berlaku kerana negara besar

tidak mempedulikan nasib negara miskin.

“Ramai mengkritik dan mengecam Malaysia apabila kerajaan menetapkan kadar ringgit dengan dolar Amerika. Mereka kata ekonomi Malaysia akan jatuh dan kita akan merayu kepada Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

“Percayalah, bahawa kita telah pulih dan keadaan kami adalah jauh lebih baik daripada mereka yang mati-matian percaya sistem pertukaran terapung sebagai satu-satu pilihan pengurusan kewangan yang terbaik,” katanya.

Sementara itu, ketika sesi dialog dengan peserta persidangan, Dr Mahathir berkata tindakan drastik Malaysia serta kerugian yang dialami pedagang mata wang dalam pelaburan mereka berjaya mengekang krisis ekonomi 1997 daripada melarat.

“Apabila kita perkenal kawalan modal dan menetapkan kadar pertukaran ringgit, pedagang mata wang sudah bimbang kerana takut negara lain akan turut serta dan mereka akan mengalami kerugian besar.

“Jadi mereka berhenti mengganggu mata wang lain dan keadaan menjadi stabil. Ini diikuti dengan skandal dana Long Term Credit Management (LTCM) yang mengakibatkan kerugian berbilion dolar, orang ramai mula menyyoal peranan pedagang mata wang yang bukan saja menyerang negara kecil, tetapi juga ekonomi besar.” katanya.